

04/02/2000

Jabatan rangka draf Peraturan Perikanan

PETALING JAYA, Khamis - Jabatan Perikanan sedang merangka draf Peraturan Perikanan (Taman Laut Malaysia) yang memberikan penekanan terhadap aspek keselamatan dalam kegiatan sukan selam skuba.

Ketua Pengarahnya, Datuk Mazlan Jusoh, berkata draf itu masih pada peringkat awal bagi memberi peluang kepada orang ramai terutamanya operator selam skuba, pusat peranginan dan penyelam, mengemukakan pendapat atau ulasan.

"Aspek keselamatan amat penting dalam kegiatan sukan ini kerana ia membabitkan nyawa penyelam dan imej negara dalam industri selaman skuba antarabangsa.

"Ini kerana kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan sedang giat mempromosikan Malaysia sebagai destinasi menarik untuk sukan selam skuba pada peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar di sini hari ini sempena seminar bertajuk Sejauh Mana Keselamatan Anda Terjamin Ketika Menyelam di Malaysia anjuran Jabatan Perikanan, Borneo Divers and Sea Sports, Ace Synergy Insurance Berhad dan disokong Persatuan Sukan Selam Skuba Malaysia (MSDA).

Seminar yang akan berlangsung 26 Februari ini bertujuan memberikan gambaran secara menyeluruh mengenai aspek keselamatan ketika menyelam di negara ini. Ia adalah terbuka kepada sesiapa saja dan dikenakan bayaran RM28 seorang.

Menurutnya, antara cadangan dalam draf berkenaan ialah aktiviti selam skuba perlu diawasi ketua penyelam atau jurulatih bertauliah.

"Ini bermakna mana-mana operator selam perlu melantik jurulatih atau ketua penyelam bertauliah sebelum menganjur kegiatan berkenaan," katanya.

Mazlan berkata, setiap jurulatih atau ketua penyelam akan mengawasi hanya enam penyelam skuba bertauliah.

"Langkah ini dapat menjamin hanya mereka yang mempunyai lesen saja terbabit dalam aktiviti berkenaan dan ia perlu diawasi sepanjang masa.

"Bendera kod A iaitu kod isyarat antarabangsa perlu dikibarkan supaya mudah dilihat di atas kenderaan air atau struktur yang digunakan untuk aktiviti selam skuba," katanya.

Beliau berkata, ia bertujuan memberi amaran kepada orang lain supaya berwaspada ketika melalui kawasan berkenaan kerana aktiviti selam skuba sedang dijalankan di kawasan persekitaran.

"Ketua penyelam atau jurulatih selaman perlu memastikan setiap peralatan berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

Draf cadangan itu akan dihantar ke pejabat peguam negara untuk diteliti sebelum dibahas di Parlimen," katanya.

Sementara itu, Presiden MSDA, Mukhriz Mahathir, berkata berdasarkan statistik 1998 adalah dianggarkan Malaysia mempunyai 10,000 penyelam skuba bertauliah.

"Bilangan itu semakin bertambah sejak dua tahun kebelakangan ini walaupun ketika negara dilanda masalah ekonomi," katanya.

(END)